

09 OCT 2002

Parlimen-Gulung (Luar)

SUARA MALAYSIA BUKAN RETORIK, KATA SYED HAMID

KUALA LUMPUR, 10 Okt (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini menampelak tanggapan pembangkang kononnya suara Malaysia mengenai Palestin serta tindakan unilateral Amerika Syarikat sekadar retorik kerana negara ini tidak mempunyai kuasa dan kemampuan.

Katanya suara dan pendirian negara yang dianggap retorik itu sebenarnya menjadi amalan penting dan utama dalam perhubungan antarabangsa dan masyarakat dunia.

"Walaupun pada masa ini ia mungkin dianggap sebagai cakap-cakap tetapi daripada cakap-cakap inilah yang membuahkan hasil dan pendekatan yang membawa manfaat kepada seluruh masyarakat dunia," katanya semasa menyambung penggulungan perbahasan Bajet 2003 bagi Kementerian Luar pada persidangan Dewan Rakyat di sini hari ini.

Syed Hamid berkata jika Malaysia dan negara-negara lain tidak bersuara, Amerika mungkin sudah mengambil tindakan unilateral menyerang Iraq tetapi kerana ada suara berkenaan, ia telah menghalang dan memperlahan serta menyebabkan kuasa besar itu terpaksa berunding dengan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Katanya kelantangan suara Malaysia itu membawa faedah daripada ia mendiamkan diri hanya disebabkan negara ini lemah dan tidak mempunyai kekuatan ketenteraan.

Syed Hamid berkata demikian sebagai menjawab hujah Dr Syed Azman Syed Ahmad Nawawi (Pas-Kuala Terengganu) bahawa tindakan Malaysia menentang hegemoni ketenteraan Amerika itu sekadar retorik kerana kuasa besar itu mampu mengambil tindakan bersendirian.

Wakil pembangkang itu ingin tahu sama ada tindakan Malaysia terhadap Amerika itu telah menimbulkan konflik perhubungan kerana Amerika merupakan rakan perdagangan terbesar Malaysia, malah Malaysia juga mempunyai hubungan dagang dengan Israel menerusi penjualan barangan negara ini menerusi Singapura.

Syed Hamid berkata kedudukan Amerika sebagai rakan perdagangan itu adalah berasaskan perhubungan komersil yang tidak boleh dicampuradukkan dengan politik antarabangsa dan kedaulatan serta integriti negara.

Beliau berkata walaupun sekarang Malaysia sudah memperbaiki hubungan dua halanya dengan Amerika, kerajaan tidak boleh menggadaikan kepentingan dan kedaulatan negara serta kemampuannya untuk bersuara dalam apa jua forum terhadap tindak tanduk kuasa besar itu.

Mengenai hubungan Malaysia dan Israel, Menteri Luar itu berkata Malaysia tidak mempunyai hubungan dagang atau diplomatik dengan rejim Yahudi itu.

Katanya bagi barangan Malaysia yang dijual oleh negara lain di Israel, ia adalah hak negara berkenaan yang membeli barangan Malaysia.

Mengenai Palestin, Syed Hamid berkata pendirian Malaysia mengenai Palestin dan status Al Quds Al-Sharif (Jerusalem) tidak berubah dan berlandaskan resolusi-resolusi PBB, Pertubuhan Persidangan Islam serta organisasi yang berpihak kepada Palestin.

Beliau berkata kerajaan Malaysia membantah tindakan dan telah menyuarakan perasaan kecewa berhubung keputusan Kongres Amerika Syarikat meluluskan rang undang-undang yang mengubah polisi Amerika mengenai status Jerusalem sebagai ibu negara Israel.

"Peruntukan itu akan prejudis terhadap hak tuntutan Palestin dan kedudukan Amerika sebagai pihak yang berkecuali dalam usaha rundingan damai

antara Palestin dan Israel," katanya.

Syed Hamid berkata Malaysia juga berpendirian bahawa tindakan perlu diambil untuk mambatalkan Artikel 214 dalam rang undang-undang Amerika itu yang dikenali sebagai "State Department Authorisation Bill H.R. 1646" berhubung kedudukan Jerusalem.

Beliau berkata ia perlu kerana keputusan mengenai Jerusalem masa ini tidak kondusif untuk mencapai satu rumusan diplomatik dalam suasana proses damai yang masih lagi sensitif dan rumit manakala status Jerusalem merupakan perkara yang paling sensitif dalam konflik di Asia Barat itu.

Katanya Malaysia akan terus mengutuk sekeras-kerasnya pencabulan hak asasi manusia yang dilakukan oleh Israel terhadap rakyat Palestin di Tebing Barat dan Semenanjung Gaza.

"Malaysia akan terus menyeru masyarakat antarabangsa supaya menggesa Israel memberhentikan semua aktiviti ketenteraan dan berundur sepenuhnya dari kawasan Palestin serta mematuhi keputusan Majlis Keselamatan PBB," katanya.

Mengenai layanan Amerika terhadap orang kenamaan Malaysia yang melawat negara itu, beliau berkata Wisma Putra menerusi kedutaannya memberikan notis awal mengenai lawatan berkenaan dan mengharapkan layanan diplomasi serta amalan protokol yang bersesuaian diberikan.

Bagaimanapun, katanya, sejak peristiwa serangan 11 Sept, Amerika mengutamakan keselamatan yang tinggi dan telah mengetepikan layanan diplomasi dan amalan protokol tanpa mengira kedudukan seseorang pelawat ke negara itu.

Mengenai layanan pemeriksaan terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, beliau berkata pihak Amerika menerusi kedutaannya di sini telah menyatakan rasa kesal terhadap insiden itu.

Syed Hamid turut menjelaskan bahawa rakyat negara ini perlu memahami psikologi Amerika yang begitu takut akibat serangan 11 Sept menyebabkan mereka yang ingin keluar dan masuk negara itu terpaksa menjalani pemeriksaan yang ketat.

-- BERNAMA
HS HS MAI